

3756/2
Prinsip Perakaunan
Kertas 2
2 ½ jam

Nama :.....

Tingkatan :.....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2020

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 2

2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
5. **Tunjukkan kerja mengira**. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik


Modul ini mengandungi 15 halaman bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan

- 1 (a) Rajah berikut menunjukkan sebahagian kitaran perakaunan.

Apakah **P** dan **Q**?

[2 markah]

- (b) Berikut ialah dokumen yang diterima oleh Kedai Alatan Elektrik Intan

| ASAL | NOTA KREDIT PERNIAGAAN LSS 25, Jalan Batu Maung 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang. 04-6267536 | No. 1115 | | |
|---|--|----------------------|----------------------------|-------------|
| Kepada Kedai Alatan Elektrik Intan No 5, Hilir Nibong 1, 11950 Bayan Baru, Pulau Pinang. | | Tarikh: 18 Ogos 2020 | | |
| Bil | Butir | Harga (RM) | Unit | Jumlah (RM) |
| 1. | Pengering Rambut (dikembalikan kerana rosak) | 90 | 2 | 180 |
| | | | | 180 |
| Tolak: Diskaun niaga 20% | | | | 36 |
| Jumlah | | | | 144 |
| Ringgit : Seratus dua puluh lapan sahaja | | | | |
| <u>Intan</u> (Penerima) | | | <u>Ieman</u> (Pengurus) | |

Rekodkan urus niaga tersebut ke dalam lejar Kedai Alatan Elektrik Intan.

[2 markah]

(c) Nyatakan **dua** Nisbah Keberuntungan

[2 markah]

(d) Pada 1 Jun 2020, Akaun Modal Raja mempunyai baki kredit sebanyak RM10 600. Perkongsian Raja dan Rajo bersetuju membubarkan perkongsian pada 31 Mei 2020. Mereka bersetuju bahawa Raja akan membayar pinjaman bank sebanyak RM12 000 dan menanggung kerugian realisasi berjumlah RM6 600.

Hitungkan bayaran balik modal yang akan diterima Raja.

[2 markah]

(e) Berikut ialah maklumat yang diambil dari Kelab Boria Bukit Gedung pada 31 Julai 2020.

| | RM |
|-----------------------------|--------|
| Lebihan | 5 300 |
| Derma membina studio tarian | 15 000 |
| Dana Terkumpul Awal | 26 900 |

Tunjukkan catatan komponen Dana Terkumpul di dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2020.

[2 markah]

- 2 Anis dan Arun adalah pekongsi dalam perniagaan Woody Enterprise , sebuah perniagaan bahan binaan yang telah ditubuhkan sejak beberapa tahun yang lalu. Berikut adalah baki-baki pada 1 September 2019:

| | Anis (RM) | Arun(RM) |
|--------------|--------------|----------|
| Akaun Modal | 70 000 | 35 000 |
| Akaun Semasa | 2 500(Debit) | 3 790 |
| Pinjaman | 20 000 | - |

Aset dan liabiliti perniagaan pada 1 September 2019 dan 31 Ogos 2020 adalah seperti berikut:

| | 1 September 2019 | 31 Ogos 2020 |
|------------------------|------------------|--------------|
| | RM | RM |
| Kelengkapan Kedai(kos) | 80 000 | 80 000 |
| Kenderaan(kos) | 82 000 | 82 000 |
| Susut Nilai Berkumpul: | | |
| Kelengkapan Kedai | 21 000 | Perlu dikira |
| Kenderaan | 40 000 | Perlu dikira |
| Alat-alat kecil | 5 440 | 7 650 |
| Inventori Barang Niaga | 52 800 | 60 000 |
| Akaun Belum Terima | 63 800 | 78 300 |
| Akaun Belum Bayar | 24 500 | 18 321 |
| Peruntukan Hutang Ragu | 1 750 | 1 566 |
| Bank | 12 880 | 33 440 |
| Pinjaman SME | - | 26 000 |

Maklumat-maklumat lain yang dipetik dari buku perakaunan perniagaan ini setelah Akaun Perdagangan disediakan pada 31 Ogos 2020:

| | RM |
|---------------------------|---------|
| Untung kasar | 246 249 |
| Ambilan: | |
| Anis | 12 000 |
| Arun | 13 000 |
| Komisen Diterima | 2 790 |
| Gaji dan upah | 63 500 |
| Belanja pentadbiran | 25 360 |
| Sewa | 16 600 |
| Insurans | 1 800 |
| Belanja kenderaan | 5 160 |
| Belian alat-alat kecil | 4 000 |
| Faedah atas pinjaman Anis | 1 000 |
| Faedah atas pinjaman SME | 800 |

Maklumat tambahan:

- i) Satu invois jualan berjumlah RM 2 300 tertinggal catat dalam kedua-dua akaun. Perkara ini belum diambil kira semasa penyediaan Akaun Perdagangan.
- ii) Gaji yang dibayar adalah termasuk gaji Anis RM9 600
- iii) Insurans yang telah dibayar sebanyak RM1 800 adalah untuk setahun sehingga 31 Disember 2020
- iv) Belanja pentadbiran belum bayar RM200
- v) Pinjaman SME berjumlah RM30 000 telah dibuat pada bulan Disember 2019 untuk tempoh 5 tahun dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun. Bayaran balik pinjaman beserta faedah dibuat setiap bulan mulai Januari 2020.
- vi) Kadar susut nilai adalah seperti berikut:
 - Kelengkapan Kedai : 10% setahun kaedah ansuran tetap
 - Kenderaan : 30% setahun kaedah baki berkurangan
 - Alat-alat kecil : Kaedah penilaian semula.
- vii) Perjanjian Perkongsian membenarkan perkara-perkara ini:
 - * Faedah atas ambilan dikenakan 10% setahun
 - * Faedah atas modal ialah 5% setahun
 - * Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun
 - * Gaji tahunan Anis ialah RM14 400
 - * Elaun tahunan Arun ialah RM2 400
 - * Kongsi untung atau rugi diagihkan mengikut nisbah modal pekongsi

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Untung Rugi dan Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2020 [13 markah]
- b) Akaun Semasa Pekongsi (berlajur) [4 markah]
- c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2020 [8 markah]

3

Kedai Runcit Hasif memulakan perniagaan pada 1 September 2019 dengan modal berikut:

| | |
|----------------------|-----------|
| Premis (Kos) | RM 50 000 |
| Alatan Pejabat (Kos) | RM 10 000 |
| Tunai di Bank | RM 8 000 |

Maklumat berikut diperolehi pada akhir tahun kewangan 31 Ogos 2020:-

i. Aset dan liabiliti pada 31 Ogos 2020:

| | |
|------------------------------|-----------|
| Akaun Belum Terima | RM 10 600 |
| Tunai di Tangan | RM 700 |
| Belanja Pentadbiran Prabayar | RM 970 |
| Akaun Belum Bayar | RM 7 700 |
| Belanja am belum bayar | RM 190 |
| Premis | RM 50 000 |
| Alatan Pejabat | RM 9 200 |
| Kenderaan | RM 28 600 |
| Inventori: | |
| Harga Jualan | RM 16 840 |
| Harga Kos | RM 9 600 |

ii. Urus niaga bank adalah seperti berikut :-

Penerimaan :

| | |
|-------------------------------------|-----------|
| Kutipan daripada akaun belum terima | RM 46 900 |
| Tunai Dibankkan | RM 72 000 |

Pembayaran :

| | |
|----------------------------------|-----------|
| Belanja Pentadbiran | RM 6 000 |
| Bayaran kepada akaun belum bayar | RM 47 000 |
| Kenderaan | RM 32 000 |
| Penyelenggaraan Kenderaan | RM 1 800 |
| Gaji | RM 5 500 |

iii. Urus niaga tunai adalah seperti berikut :-

Pembayaran:

| | |
|---------------------------|-----------|
| Belian | RM 16 400 |
| Penyelenggaraan kenderaan | RM 4 200 |
| Insurans | RM 8 500 |
| Ambilan | RM 5 700 |

- iv. Sepanjang tahun perakaunan, Hasif mengambil barang niaga bernilai RM2 500 untuk kegunaan peribadi namun belum direkod di dalam mana mana buku.
- v. Seorang akaun belum terima tidak dapat dikesan dan baki hutangnya bernilai RM 600 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- vi. Urus niaga akaun belum bayar melibatkan diskaun niaga RM1 500 dan diskaun tunai RM1 570.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Akaun Bank. [2 markah]
- b) Akaun Tunai untuk menghitung jualan tunai [3markah]
- c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2020. [13 markah]
- d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2020. [7markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 (a) Kedai Buku SURIA menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar bermula pada 1 April 2020. Ketua Juruwang hanya akan memberikan wang peruntukan sebulan sekali iaitu pada setiap awal bulan. Berikut ialah maklumat berkaitan penerimaan dan penggunaan wang bagi memulakan Buku Tunai Runcit dalam bulan April 2020.

| Buku Tunai (Ruangan Bank) | | | |
|---------------------------|---------|--------------|-----|
| | 2020 | | RM |
| | April 1 | Tunai runcit | 400 |

| Tarikh | Butir | Jumlah (RM) |
|---------|--------------------------------------|-------------|
| 2020 | | |
| April 3 | Alat tulis dan kertas | 40 |
| 5 | Bayar belanja membaiki pintu pejabat | 60 |
| 9 | Bungkusan pos laju | 40 |
| 12 | Mesin daftar tunai | 300 |
| 13 | Pinjaman Maira | 100 |
| 16 | Sampul surat | 10 |
| 26 | Surat berdaftar | 20 |
| 29 | Upah mencuci | 70 |

Anda dikehendaki;

- i) Menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 30 April 2020 dengan menunjukkan lajur **alat tulis, belanja pejabat, pos dan pelbagai** di **LAMPIRAN A** [8 markah]
- ii) Menunjukkan catatan Jurnal Am bagi rekupmen pada 1 Mei 2020. [2 markah]

- 4 (b) Perniagaan Warisan telah menerima Penyata Bank untuk bulan Jun 2020 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan Buku Tunai.

Berikut adalah Penyata Bank untuk perniagaan tersebut.

| MAYBANK BHD | | | | | |
|--|-------------------------------|--------|---|----------------|--------------|
| No 6, Jalan Siram 13000 Butterworth | | | | | |
| PENYATA BANK | | | | | |
| Perniagaan Warisan No 9, Jalan Sinar 13000 Butterworth | | | No Akaun: 0012311121314 Tarikh : 30 Jun 2020 | | |
| Tarikh | Butir | No Cek | Debit (RM) | Kredit (RM) | Baki (RM) |
| 2020 | | | | | |
| Jun 1 | Baki b/b | | | | 5 000 |
| 2 | Cek | 345670 | 1 300 | | 3 700 |
| 3 | Cek | 345669 | 1 500 | | 2 200 |
| 4 | Deposit | | | 800 | 3 000 |
| 5 | Buku Cek | | 30 | | 2 970 |
| 7 | Deposit | | | 560 | 3 530 |
| 10 | Cek | 345671 | 770 | | 2 760 |
| 15 | Cek | 345672 | 2 000 | | 760 |
| 20 | Deposit | | | 2 500 | 3 260 |
| 24 | Kedai Mawar - Pindahan kredit | | | 300 | 3 560 |
| 26 | Cek | 345673 | 2 130 | | 1 430 |
| 28 | Arahan tetap - Insurans | | 1 200 | | 230 |
| 29 | Dividen - Syarikat Hans Bhd | | | 170 | 400 |
| 30 | Cek | 345676 | 460 | | (60) |

Buku Tunai (Ruangan Bank)

| 2020 | | RM | 2020 | | No Cek | RM |
|-------|------------------|---------------|-------|------------------|--------|---------------|
| Jun 1 | Baki b/b | 3 500 | Jun 4 | Alatan Pejabat | 345670 | 1 300 |
| 2 | Jualan | 800 | 6 | Promosi | 345671 | 770 |
| 3 | Hafiz Enterprise | 650 | 12 | Pemborong Fazlee | 345672 | 2 000 |
| 10 | Rozita | 1 000 | 20 | Belian | 345673 | 2 130 |
| 13 | Kedai Yuna | 2 200 | 25 | Perabot | 345674 | 600 |
| 17 | Jualan | 2 500 | 29 | Gaji | 345675 | 2 900 |
| 30 | Komisen | 460 | 30 | Baki h/b | | 1 410 |
| | | 11 110 | | | | 11 110 |

Maklumat Tambahan:

- i) Cek daripada Hafiz Enterprise pada 3 Jun 2020 dikenalpasti berlaku kesilapan catatan dalam Buku Tunai
- ii) Cek yang diterima pada 10 Jun 2020 dipulangkan oleh bank kerana tiada tandatangan Rozita.
- iii) Komisen diberi (cek no. 345676) pada 30 Jun 2020 telah didebitkan dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan:

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2020 dengan memulakan baki di Buku Tunai Tidak Dikemaskini. [10 markah]

- 5 (a) Puan Khalisya merupakan pengurus Lisya Holding yang mengeluarkan dan menjual topeng muka tiga lapis. Pada 1 Januari 2020, Puan Khalisya telah membayar sewa ruangan kedai berjumlah RM1 800 serta membeli mesin jahit berharga RM4 200 dan mesin sulaman berharga RM5 900. Kos berubah untuk menghasilkan satu keping topeng muka ialah sebanyak RM4.50. Oleh yang demikian, Puan Khalisya telah menetapkan untuk menjual satu topeng muka pada harga RM7.90.

Anda dikehendaki :

- i) Mengira Margin caruman seunit. [1 markah]
- ii) Menentukan Titik Pulang Modal dalam unit dan jumlah (RM). [2 markah]
- iii) Menentukan sama ada Puan Khalisya akan memperoleh keuntungan atau kerugian sekiranya berjaya mengeluarkan 2 950 keping topeng muka. [2 markah]
- iv) Melakar Graf dengan menunjukkan:
- (a) Garisan kos tetap [1 markah]
- (b) Garisan jumlah hasil [1 markah]
- (c) Garisan jumlah kos [1 markah]
- (d) Titik Pulang Modal [1 markah]
- (e) lorekkan kawasan untung dan rugi [1 markah]
- 5 (b) Pada 30 Jun 2020 Syarikat Malim Berhad telah menerbitkan 7 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam.

Pada Tarikh tutup permohonan iaitu 31 Julai 2020, jumlah wang yang diterima ialah RM10 000 000. Wang lebihan dipulangkan kepada pemohon yang tidak Berjaya pada tarikh yang sama.

Lembaga pengarah mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 10% kepada setiap pemegang syer.

Anda dikehendaki;

- (i) Rekodkan terbitan syer ke dalam Jurnal Am. [1 markah]
- (ii) Rekodkan lebihan langganan yang dipulangkan ke dalam Jurnal Am. [2 markah]
- (iii) Hitung dividen akhir pada 31 Oktober 2020. [2 markah]
- (iv) Nyatakan dua perbezaan antara dividen interim dan dividen akhir. [2 markah]

- 6 (a) Cik Dorin , seorang peniaga salon kecantikan , membekalkan maklumat berikut pada 1 April 2020:

| | |
|--------------------|---------------------|
| | RM |
| Perabot | 3 000 |
| Peralatan | 37 000 |
| Akaun belum terima | 1 500 |
| Tunai | 530 |
| Akaun belum bayar | 4 590 |
| Overdraf bank | 1 350 |
| Inventori | 16 780 |
| Untung bersih | 12 450 |
| Modal | Perlu dikira |

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan April 2020:

- i) Menerima sekeping cek daripada Akaun belum Terima berjumlah RM800 dan diskaun diberi RM30
- ii) Peralatan dinilai semula pada 30 April 2020 dengan nilai RM36 880
- iii) Tunai bernilai RM2 500 dari hasil jualan barang niaga berkos RM1 600 digunakan untuk membayar hutang kepada akaun belum bayar.
- iv) Satu nota kredit bernilai RM100 dihantar kepada pelanggan kerana barang tersalah jenama.
- v) Bayar insurans kedai dengan cek berjumlah RM600.
- vi) Cik Dorin menjual perabot peribadinya berjumlah RM8 000, RM3 000 dimasukkan ke dalam akaun bank perniagaan.
- vii) Sekeping cek yang diterima daripada akaun belum terima RM300 telah dipulangkan oleh bank dengan tanda'rujuk penyuruhbayar'.

Anda dikehendaki melengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan di **Lampiran B**.

[10 markah]

- 6 (b) Pada 1 Januari 2017, Perniagaan Warisan Bonda telah membeli sebuah komputer RM4 000 untuk kegunaan pejabat. Komputer tersebut disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Pada penghujung tahun 2019 Perniagaan Warisan Bonda berhasrat untuk membeli sebuah komputer baharu yang berharga RM5 000 bagi menggantikan komputer lama ini. Komputer lama dijual dengan harga RM2 500 pada 31 Disember 2019. Cek telah diterima dan dibankkan. Tempoh kewangan perniagaan berakhir pada setiap 31 Disember.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|---|------------|
| (i) Akaun Alatan Pejabat pada tahun 2019 | [2 markah] |
| (ii) Akaun Susut Nilai Berkumpul bagi tahun 2019 | [3 markah] |
| (iii) Akaun Pelupusan Alatan Pejabat | [4 markah] |
| (iv) Akaun Untung atau Rugi atas pelupusan Alatan Pejabat | [1 markah] |

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

| Urus niaga | Aset | | | | | | Liabiliti + Ekuiti Pemilik | | |
|------------|---------|-----------|--------------------|-------|-----------|------|----------------------------|-------|---------------|
| | Perabot | Peralatan | Akaun belum terima | Tunai | inventori | Bank | Akaun belum bayar | Modal | Untung bersih |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | |